

TARIKH	08 / 05 / 2014	SEKSYEN	VARSI TI SUKAN
MUKA SURAT	16	RUANGAN	

Oleh Muhammad Reza Muhsain
m.reza@bh.com.my

Shah Alam

Pasukan UiTM juara boling TaHa@U-BH

Pasukan Wan Zamzaidi dari Universiti Teknologi MARA (UiTM) membuat 2,178 jatuhan pin berjaya mengalahkan lebih 30 pasukan lain untuk memenangi Kejohanan Boling TaHa@U yang berlangsung di sini, baru-baru ini.

Dengan kemenangan itu, pasukan yang terdiri daripada Wan Zamzaidi Wan Zakaria, Mohd Adi Lokman, Mohd Khaimin M Ali dan Nurul Syafiqah Jamaluddin membawa pulang wang tunai RM1,500, trofi dan sijil.

Kejohanan anjuran Lembaga Tabung Haji (TH) dengan kerjasama BH itu bermatlamat mengeratkan silaturahim antara penuntut IPT menerusi aktiviti yang menggalakkan gaya hidup sihat.

Ketua Pegawai Eksekutif TH, Datuk Paduka Ismee Ismail, berkata program itu ialah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat TH bagi mendekati golongan muda menerusi aktiviti bersesuaian.

"Kejohanan Bowling TaHa@U ini merupakan platform bagi pihak pengurusan TH bertemu dengan generasi muda yang bakal menjadi pelapis masa depan negara.

"Saya berharap kira-kira 200 penuntut yang hadir pada hari ini mendapat manfaat daripada aktiviti dianjurkan ini," katanya ketika berucap dalam majlis perasmian kejohanan itu yang berlangsung di Plaza Alam Sentral, di sini.

Yang turut hadir ialah Pengurus Besar Kanan Jabatan

Sumber

M a n u - s i a T H, H i s h a m Harun; Pengurus Besar Bahagian Khidmat Pelanggan TH, Mohamad Saimi Mat Som; Pengarah TH Selangor, Aishah Abd Samad dan Pengarang Pendidikan BH, Fadzlina Jafar.

Dalam majlis itu, Ismee turut menunjukkan kebolehan bermain boling dengan memperoleh 101 jatuhan pin.

5 pasukan terbaik

Kejohanan anjuran (TH) dengan kerjasama BH itu menawarkan hadiah bernilai RM4,000 selain hamper dan sijil berjaya menarik minat kira-kira 200 pelajar IPT dari seluruh Lembah Klang.

Tempat kedua dimenangi kumpulan Arif Filkri juga dari UiTM Shah Alam, menerima RM1,000 trofi serta sijil, manakala kumpulan Rusydi dari Politeknik Shah Alam yang membuat 1,822 jatuhan pin, pula berjaya memenangi tempat ketiga dengan membawa balik RM700, trofi serta sijil.



Ismee (tengah) bergambar bersama-sama peserta kejohanan Boling TaHa@U.



Pasukan Wan Zamzaidi muncul juara Kejohanan Boling TaHa@U.

Mohd Adi Lokman pemain terbaik kejohanan Boling TaHa@U sedang beraksi.

Kumpulan Annaz Putra dari Kolej Teknologi Timur, dengan 1,737 jatuhan pin, mengungguli tempat keempat dengan menerima RM500 beserta trofi dan sijil dan tempat kelima yang membawa balik RM300, trofi dan sijil dimenangi kumpulan Abu Khair juga dari UiTM dengan 1,543 jatuhan pin.

Pemain terbaik

Kejohanan itu turut memberikan penghargaan kepada peserta yang berjaya membuat jatuhan pin terbanyak yang dimenangi ahli pasukan Wan Zamzaidi, Mohd Adi, pelajar Jurusan Pengurusan Komunikasi dan Polisi, dengan 608 jatuhan pin.

Bagi peserta wanita pula,



Ismee Ismail.

pelajar Sarjana Muda Sains Sukan, Nurul Syafiqah juga daripada pasukan Wan Zamzaidi dinobatkan Pemain Terbaik (wanita) dengan 593 jatuhan pin.

Nurul Syafiqah berkata, beliau tidak menyangka akan menjadi pemain terbaik wanita, walaupun bersaing dengan peserta yang ada antaranya atlet negeri dan kebangsaan dalam kejohanan itu.

"Kemenangan ini lebih bermakna apabila mengambil kira kami tidak berkesempatan untuk membuat latihan perseediaan sebelum hari pertandingan," katanya.